

# Tokoh UMNO dihukum jangan cetus ketegangan

MUAR 27 Jun — Tokoh-tokoh yang dikenakan hukuman oleh Lembaga Disiplin UMNO kerana amalan politik wang dinasihatkan supaya tidak membalas dendam dengan melakukan perbuatan yang boleh menimbulkan ketegangan di kalangan ahli parti.

UM 28 JUN 2007  
Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan, sebaliknya mereka harus menerima keputusan lembaga tersebut dengan hati terbuka demi kepentingan parti.

Katanya, mereka harus akur dengan nasihat Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad agar semua ahli UMNO mengutamakan kepentingan parti.

“Jangan timbulkan masalah atau bersengketa sesama ahli parti dengan melakukan perbuatan yang tidak patut dilakukan,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang kejohanan bola sepak anjuran Pagoh FC di Kompleks Sukan Pagoh di sini petang semalam.

Beliau menyatakan ini ketika diminta mengulas aduan mengenai adanya tokoh yang dikenakan tindakan disiplin ‘membalas dendam’ kerana tidak puas hati terhadap tindakan yang dikenakan terhadap dirinya.

Tokoh berkenaan dikatakan telah mengugut akan mendedahkan amalan politik wang pemimpin di bahagian tertentu di negeri ini dan mengadukan perkara itu kepada pihak Lembaga Disiplin UMNO.